

Hijrah Rasulullah s.a.w.: Satu Sorotan dari Sudut Siyāsah Modal Insan

Wan Mohd Yusof Wan Chik
Hasanulddin Mohd
Basri Ibrahim
Rohaizan Baru

ABSTRACT

Rasulullah s.a.w. is the axis that reflects the ultimate model of human perfection, be it from personal experiences, family, community, nationally and even internationally. Therefore, he is well equipped with a diversity of advantages such as the continuous flow of the holy revelation, the protection of al-ismah and vast experiences. To ensure that each aspect of his life is inherited, understood and practiced by the ummah, Islamic scholars dating from the generation of the Companions, the Tabie'n and later generations have been working very hard in compiling and documenting the seerah or the life journey of the Prophet. Among the most interesting parts – but hardly mentioned – is the aspect of his brilliant planning in organizing and optimizing the usage of available human resources to pull out this dramatic and thrilling moment. As such, this article will give a brief outline on this momentous event. Next it will discuss the characters involved in completing the mission and their significance as the brain of human resource management. It is believed that this brief outline might provide the country with the much needed foundation in planning, developing, and utilizing human resources effectively in this ever challenging era.

Keywords: Hijrah; human resource

Pengertian Hijrah

Perkataan hijrah pada bahasa boleh dilihat dari dua sudut. Dari sudut zahir ia bermaksud meninggalkan atau berpindah dari satu tempat ke tempat lain. Dari sudut maknawi ia bermaksud menghindari, meninggalkan dan menjauhi diri dari sesuatu sama ada secara perbuatan, perkataan atau perasaan (Ibrahim

Mustafa 1990, 972 & al-Marbawiy t.th., 359). Ia disebut sebanyak 28 kali dalam al-Quran dengan susun kata dan makna yang berbeza.

Dalam konteks sejarah Islam, hijrah merujuk kepada perpindahan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat (kaum muhajirin) dari Mekah menuju Yathrib (Madinah)¹. Manakala dalam konteks syaraknya ia bermaksud meninggalkan dan keluar dari negara kufur untuk berpindah menuju ke negara Islam (al-Jurjāniy t.th., 319). Sebenarnya ada dua gelombang hijrah yang berlaku pada hayat Rasulullah s.a.w..

Perpindahan para sahabat dari Mekah ke Habsyah berlaku pada tahun ke lima selepas Rasulullah s.a.w. menjadi rasul. Antara ayat yang menyentuh peristiwa ini adalah (al-Nahl: 41):

وَالَّذِينَ هَاجَرُوا فِي اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا لِنُبَوَّثَنَّهُمْ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَلَا جُرْحُ الْآخِرَةِ أَكْبَرُ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Dan orang-orang yang berhijrah kerana Allah sesudah mereka dianaya, pasti kami akan memberikan tempat yang baik kepada mereka di dunia. Dan sesungguhnya pahala di akhirat adalah lebih besar, kalau mereka mengetahuinya.

Imam al-Qurtubiy (1965, 10: 107) meriwayatkan daripada Qatādah bahawa yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah para sahabat Rasulullah s.a.w. yang telah dizalimi oleh musyrikin Mekah sehingga mereka terpaksa berhijrah dan menetap di Habsyah. Pemilihan Habsyah sebagai destinasi hijrah pertama yang berbentuk sementara ini dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya) Ibn Hishām t.th., jil.1: 314):

فَإِنْ بَهَا مَلْكًا لَا يَظْلِمُ عِنْدَهُ أَحَدٌ

Maksudnya:

Sesungguhnya terdapat di sana seorang raja (Najāshi) yang tidak menganiayai (menzalimi) sesiapa pun.

Hadith ini secara tersiratnya menjelaskan konsep perpindahan hijrah ini yang disebut perpindahan dari negara ketakutan ke negara yang memberikan

¹ Baginda berangkat dari Mekah pada hari Khamis, 01 Rabi'ul Awal - 13 September 622 M, tiba di di Quba', pada hari Isnin 12 Rabi'ul Awwal - 24 September 622 M. Peristiwa ini telah dijadikan titik mula permulaan kalender Islam oleh Khalifah Umar Ibn al-Khattab (634-644 M), sebagai tahun pertama kalender khilafah.

keamanan (*min dār al-khawf ilā dār al-amn*). Orang Islam menjadi masyarakat minoriti di sana meskipun dibenarkan untuk menjalankan kehidupan ritual mereka. Pun begitu, sistem kehidupan Islam secara syumul masih tidak dapat dilaksanakan. Dalam konteks dakwah mendaulatkan Islam, hijrah ini masih dikira tidak sempurna kerana aqidah dan syariat Islam belum dijelmakan dalam bentuk sistem bermasyarakat dan negara.

Perpindahan dari Mekah ke Madinah. Ia berlaku pada tahun ke tiga belas selepas perutusan. Tidak seperti hijrah ke Habsyah, hijrah ke Madinah mempunyai konsep yang berbeza. Ia merupakan perpindahan dari negara kufur kepada negara Islam atau disebut sebagai ‘*min dar al-kufr ila dar al-Islām*’. Motifnya bukan sekadar mencari keselamatan dan keamanan tetapi adalah suatu usaha membentuk ummah dan daulah, iaitu melalui pembinaan kesatuan komuniti, sistem bernegara dan sistem kehidupan yang syumul lagi tersendiri (Abdul Rahman Abdullah 2002, 57-60)².

Namun secara konsep, definisi hijrah yang diberikan oleh Ibn Hajar, iaitu ‘meninggalkan apa yang dilarang’ tampak lebih menyeluruh dan kukuh. Ia diambil daripada sabda Rasulullah s.a.w. (Ibn Hajar 1997, jil.1: 74):

((المهاجر من هجر ما نهى الله عنه))³

Maksudnya:

Orang yang berhijrah itu ialah sesiapa yang meninggalkan apa yang dilarang Allah s.w.t..

Sebagai kesimpulannya, perkataan hijrah adalah merangkumi aspek dalaman dan luaran. Dari sudut dalaman, ia bererti meninggalkan tuntutan nafsu jahat yang mudah terpesona dengan godaan syaitan. Ia juga menganjurkan perubahan paradigma ke arah yang lebih positif. Dari sudut luaran, ia bererti melarikan diri dari jurang-jurang fitnah dan maksiat demi menyelamatkan agama.

² Perkataan “*al-hijrah*” biasanya dirujuk kepada hijrah yang kedua di mana ia merujuk kepada perpindahan Rasulullah sendiri. Manakala apabila dirujuk kepada kedua-dua hijrah biasanya perkataan yang digunakan adalah “*al-hijratayn*”

³ al-Bukhāriy : *Kitab al-Imān, Bāb Man Salimal Muslimūn min Lisānihi wa Yadihi* (Hadith ke 10)

Sorotan Ringkas Peristiwa Hijrah

Setelah mendapat keizinan Allah untuk berhijrah ke Madinah, maka baginda s.a.w. menyarankan kepada para sahabat untuk berhijrah ke sana. Yang tinggal hanya baginda s.a.w. dan beberapa sahabat r.a. yang masih mempunyai urusan serta yang marhain. Penghijrahan para sahabat ini dapat dihindu oleh kaum musyrikin dan dianggap suatu ancaman. Mereka lantas berkumpul di Dar al-Nadwah. Al-Quran merakamkan saat-saat genting yang berlaku akibat konspirasi musyrikin Mekah (al-Anfāl: 30):

وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِيُثْبِتُوكَ أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ تُخْرِجُوكَ

وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكِيرِينَ

Bermaksud:

Dan (ingatlah), ketika orang-orang kafir (Quraisy) memikirkan daya upaya terhadapmu untuk menangkap dan memenjarakanmu atau membunuhmu, atau mengusirmu. Mereka memikirkan tipu daya dan Allah menggagalkan tipu daya itu. Allah sebaik-baik pembalas tipu daya.

Konspirasi ini dikhabarkan Jibril kepada Rasulullah s.a.w. berserta keizinan khusus untuk baginda berhijrah. Maka Rasulullah s.a.w. meminta Ali agar tidur di tempat tidur baginda. Rasulullah s.a.w. kemudiannya keluar menuju ke rumah Abu Bakar untuk memberitakan keizinan serta mengajak Abu Bakar turut sama berhijrah. Abu Bakar lantas mengaturkan beberapa strategi, antaranya dengan mendapatkan unta yang bakal dijadikan kendaraan. Anak-anak Abu Bakar; Aisyah dan Asmā' turut terlibat membuat beberapa persiapan perjalanan. Abdullah bin Urayqit seorang musyrik telah diupah sebagai penunjuk jalan.

Sebelum Rasulullah s.a.w. memulakan perjalanan, Saidina Ali r.a diminta tidur di tempat tidur baginda. Baginda s.a.w. berjaya meloloskan diri dari kepungan para pemuda musyrikin yang sedang menunggu-nunggu baginda. Baginda sekali lagi ke rumah Abu Bakar r.a. Kedua-duanya pergi menuju gua Thur. Kaum musyrikin kemudiannya mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w. keluar dari Mekah dan yang berada di tempat tidur baginda sebenarnya adalah Saidina Ali r.a. Baginda s.a.w. dan Abu Bakar r.a. bermalam di sana selama tiga hari. Abdullah dan Asmā', anak-anak Abu Bakar serta Amir bin Fuhayrah bekas hamba Abu Bakar berulang alik ke gua Thur atas tugas-tugas yang dirancangkan (al-'Ibyāriy 1982, 54-57 & H.Rus'an 1982, 90).

Peristiwa di dalam gua Thur turut dirakamkan dalam al-Quran (al-Tawbah: 40) dalam firman Allah s.w.t.:

إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِيَ اثْنَيْنِ
إِذْ هُمَا فِي الْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَاحِبِهِ لَا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا
فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُ بِجُنُودٍ لَمْ تَرَوْهَا وَجَعَلَ كَلِمَةَ
الَّذِينَ كَفَرُوا أَسْفَلًا وَكَلِمَةُ اللَّهِ هِيَ أَعْلَى وَاللَّهُ عَزِيزٌ

حِكْمَةٌ

Bermaksud:

Jikalau kamu tidak menolongnya (Muhammad) maka sesungguhnya Allah telah menolongnya (iaitu) ketika orang-orang kafir (musyrikin Mekah) mengeluarkannya (dari Mekah) sedang dia salah seorang daripada dua orang ketika keduanya berada dalam gua, pada waktu dia berkata kepada temannya, "Janganlah kamu berdukacita, sesungguhnya Allah beserta kita." Maka Allah menurunkan keterangan-Nya kepadanya (Muhammad) dan membantunya dengan tentera yang kamu tidak melihatnya, dan Allah menjadikan kalimah orang-orang kafir itulah yang rendah dan kalimat Allah itulah yang tinggi. Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Selepas tiga hari dan isu itu agak reda, Abdullah bin Urayqit datang untuk memulakan perjalanan dengan membawa dua ekor unta yang diamanahkan kepadanya. Amir bin Fuhayrah juga turut serta (al-'Ibyāriy 1982, 59). Abdullah bin Urayqit telah menggunakan pengalamannya untuk mengelirukan para penjejak upahan musyrikin seterusnya membawa rombongannya ke Madinah. Mereka semua dibimbing oleh Abdullah bin Urayqit dengan menempuh jalur pantai (pesisir). Dari gua, mereka menuju ke arah selatan menuju Yaman, kemudian ke arah barat menuju pesisir. Lalu setelah berjaya melepassi jalan yang tidak pernah dijejaki orang, mereka menuju ke arah utara, dekat pinggir pantai Laut Merah. Laluan ini sangat jarang ditempuh orang (Hassan Ibrahim Hassan 1986, jil. 1: 133)

Rasulullah s.a.w. dan Siyasah Modal Insan

Modal Insan atau disebut juga sebagai sumber manusia adalah komponen terpenting dalam memastikan kejayaan pencapaian sesuatu misi oleh sesuatu

organisasi. Ini kerana manusia sebagai khalifah Allah sememangnya ditaklifkan untuk menggerakkan mana-mana aktiviti yang berlaku di alam ini. Namun, dalam realiti sesebuah perancangan terhadap sesuatu misi, ia seringkali dihambat dengan masalah keterbatasan sumber. Keterbatasan sumber ini mungkin berlaku dari aspek kuantiti mahupun kualiti sumber yang ada. Oleh itu, mana-mana kepimpinan mahupun organisasi yang baik mestilah menjadikan aspek pengurusan modal insan sebagai tumpuan utama. Secara ringkas, atur-guna modal insan boleh didefinisikan sebagai satu kajian sains sosial yang khusus mengkaji bagaimana seorang pemimpin mahupun sesebuah organisasi mengenal pasti, membangun, mengagih, merancang dan menggunakan sumber manusia dan kemampuannya yang terhad secara berkesan untuk menjayakan sesuatu misi yang ditetapkan.

Dalam konteks disiplin pengajian Islam, modal insan boleh diletakkan di bawah kategori ilmu *al-Siyāsah al-Shar'iyyah* yang bertujuan melahirkan kebijaksanaan dalam mengurus dan mentadbir tanggungjawab berdasarkan sumber-sumber dan etika syarak.. Perkataan *siyāsah* dalam bahasa Arab adalah *masdar* kepada perkataan *sāsa-yasūsu* yang bermaksud ‘melaksanakan, atau mentadbir urusan sesuatu dengan perkara yang boleh mendatangkan maslahah baginya’ (Ibrāhim Mustafa 1990, 2: 462). Kebijaksanaan dalam atur-guna modal adalah suatu *siyāsah* kerana ia bertindak sebagai satu manual bagi sesuatu keputusan atau polisi untuk mengenal pasti keutamaan, matlamat, sumber, kesepakaran yang ada serta keperluan-keperluan dalam menjayakan suatu misi (Abdul Hamīd al-Ghazāliy 2000, 127).

Rasulullah s.a.w. adalah model yang terbaik yang perlu menjadi ikutan. Firman Allah (al-Ahzāb: 21):

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَأُ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوَ اللَّهَ وَالْيَوْمَ

آخِرَ وَدَكَرَ اللَّهَ رَأْكَيْهِ

Bermaksud:

Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah s.a.w. itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.

Baginda s.a.w. merupakan model induk yang mencerminkan kesempurnaan manusia, termasuk dari aspek kepimpinan. Sama ada dari sudut pengalaman peribadi, kekeluargaan, kemasyarakatan, kenegaraan mahu pun keantara bangsaan. Baginda dibekalkan dengan pelbagai kelebihan sama ada

dari sudut aliran wahyu, naungan al-ismah (terpelihara dari melakukanaksiat) mahu pun rentetan pengalaman. Demi memastikan setiap sudut daripada kehidupan baginda dapat diwarisi, difahami, dan dihayati, para ilmuwan Islam sama ada daripada generasi sahabat, tabiin mahu pun generasi yang seterusnya telah berusaha keras untuk mengumpul dan mendokumentasi sirah kehidupan baginda.

Sejarah mencatatkan bahawa keputusan pentadbiran yang pertama adalah perancangan organisasi dan pelaksanaan rancangan penghijrahan sama ada ke Habsyah mahu pun ke Madinah oleh Rasulullah s.a.w. (al-Buraey 1992, 218). Peristiwa ini dilihat telah memberikan impak yang besar kerana berjaya merubah rentak perjalanan sejarah Islam secara khusus dan peradaban manusawi secara amnya ke arah yang lebih terbuka, berperadaban dan dinamis. Baginda s.a.w telah berjaya membuktikan bahawa menggunakan aspek kebijaksanaan dan berpandangan jauh, seseorang pemimpin mampu menggerakkan komuniti pimpinannya untuk bergerak secara lebih agresif mencapai kegemilangan di dunia maupun di akhirat.

Dalam konteks gerak kerja semasa pula, perancangan serta pengurusan atur-guna modal insan amat penting demi memastikan tercapainya matlamat, sama ada dalam aspek pembangunan negara, masyarakat, dakwah dan sesuatu organisasi. Komentar yang dibuat oleh Said Hawwa (1995, jil. 1: 357) boleh memberikan gambaran tentang keunikan peristiwa hijrah dari aspek atur-guna modal insan sesiapa yang memerhatikan peristiwa hijrah serta dapat mengesan aspek ketepatan perancangan, kebijaksanaan menggunakan faktor-faktor (sebab-sebab) dari awal hingga akhir dan dari mula hingga babak selepasnya akan mengakui bahawa kebijaksanaan merancang adalah sebahagian daripada sunnah Rasulullah s.a.w.. Ia juga adalah sebahagian daripada tuntutan (taklif) Ilahi terhadap seseorang muslim dalam menunaikan tanggungjawab. Kecenderungan untuk bertindak secara membuta tuli dengan alasan bahawa perancangan dan penentuan sesuatu urusan secara terperinci bukannya suatu sunnah adalah tanggapan yang silap dan boleh dikira satu jenayah terhadap diri sendiri dan masyarakat Islam.

Tokoh-Tokoh dan Fungsinya dalam Peristiwa Hijrah

Hijrah Rasulullah s.a.w. dipenuhi dengan perancangan serta strategi yang rapi. Antaranya dari sudut atur-guna modal insan. Realiti ketika itu menunjukkan bahawa tidak ramai yang boleh ikut serta dalam menjayakan misi hijrah. Oleh itu Rasulullah terpaksa menggunakan kebijaksanaannya untuk memilih watak-watak yang sesuai dan dapat bergerak secara berkesinambungan apabila

sampai masanya. Setiap tokoh mempunyai keistimewaan dan peranan yang tersendiri dalam operasi ini. Justeru mereka perlu diletakkan pada peranan yang sesuai dengan kemampuan. Secara ringkas, pasukan penggerak yang dipimpin oleh Rasulullah s.a.w. untuk menjayakan peristiwa hijrah ini terdiri daripada beberapa orang iaitu Abu Bakar al-Siddiq, Ali bin Abu Talib, Abdullah bin Abu Bakar, Aisyah binti Abu Bakar, Asmā' bin Abu Bakar, Amir bin Fuhayrah dan Abdullah bin Urayqit *radiallah anhum*. Berikut adalah gambaran ringkas terhadap peranan yang dimainkan setiap anggota.

Abu Bakar al-Siddiq r.a

Abu Bakar r.a ialah sahabat karib yang turut serta dalam peristiwa ini. Teman sejati sekaligus tempat berunding yang sentiasa berada di samping baginda s.a.w.. Antara tugasannya dalam peristiwa hijrah dapat disimpulkan seperti berikut:

- Teman yang mengiringi perjalanan, menambah keyakinan dan menghilangkan kegusaran. Baginda s.a.w. sentiasa berunding dengan beliau dalam segala urusan.
- Mempersiapkan dirinya untuk menerima arahan Rasulullah s.a.w. walau dalam apa keadaan pun.
- Membeli dan mempersiapkan dua ekor unta sebagai kenderaan dalam perjalanan.
- Mempertaruhkan keluarga dan rumah tangga beliau untuk berkhidmat kepada baginda s.a.w. (al-Solābiy 2004: 487). Beliau berjaya menukar semua itu kepada pusat kepimpinan atau markas mengeluarkan arahan. Kebanyakan gerakan yang bermula selepas itu dilancarkan dari rumahnya dengan perantaraan anak-anak dan hambanya. Ia merupakan pengajaran buat pejuang dakwah agar menyediakan kekuatan mereka serta meletakkan harta mereka di bawah payung dakwah terutamanya pada waktu yang sukar.
- Memberikan sumbangan kewangan dalam penghijrahan. Beliau diriwayatkan telah membawa bersama beliau wang sebanyak 5000-6000 dirham untuk kegunaan beliau dan Rasulullah s.a.w. (Khudariy Bak 1996, 133).

Pemilihan Abu Bakar r.a. sebagai teman penghijrahan sebenarnya disebabkan oleh beberapa faktor berikut:

- Tahap keimanan dan kasih beliau kepada Rasulullah s.a.w.. Beliau sentiasa mendahulukan Rasulullah s.a.w. dalam segala urusan.
- Beliau ialah seorang yang sangat matang, tenang, dan mampu mengawal dirinya, lebih-lebih dalam keadaan yang gawat dan menyiksakan. Beliau tidak mudah terkejut dan panik.
- Kesanggupan berkorban harta dan nyawa dalam meneruskan misi dakwah.
Beliau memiliki tahap kasih terhadap dakwah yang mengagumkan sehingga sanggup berkorban diri, harta dan keluarganya. (Khūlāriy Bak 1996: 137).

Ali bin Abi Talib r.a

Sepupu Rasulullah s.a.w. yang melakukan dua tugas penting yang memerlukan keberanian untuk bersemuka dengan musyrikin Mekah. Tugas tersebut adalah:

- Tidur di atas katil Rasulullah s.a.w. serta berselimut dengan selimut hijau baginda dengan tujuan memperdayakan musyrikin (al-Għadbān 1987: 188).
- Mengembalikan amanah-amanah yang ditinggalkan kepada Rasulullah s.a.w. kepada pemiliknya (al-Solābiy 2004, jil. 1: 287).

Pemilihan Saidina Ali r.a untuk melaksanakan tugas ini adalah didorong oleh beberapa faktor:

- Pengikut setia Rasulullah s.a.w. selain memiliki pelbagai kemahiran, latihan, kekuatan dan keberanian yang tidak dipunyai oleh orang ramai.
- Pintar dan bijak berurus dalam pelbagai perkara serta mempunyai keyakinan diri, ketenangan jiwa dan langkah yang teguh.
- Dia juga adalah sepupu Rasulullah s.a.w.. Sekiranya berlaku sesuatu yang buruk kepada beliau, maka tidak seorang pun yang menyalahkan Rasulullah s.a.w. Ini berbeza jika baginda memilih seseorang yang tidak mempunyai pertalian kekeluargaan dengannya. Jua, tiada ruang langsung untuk mencela baginda s.a.w. atas tuduhan mempergunakan orang lain. Ini kerana Ali r.a adalah anak kepada Abu Talib seorang pembesar terkenal dari Bani Abdul Muttalib. Semua tindakan ini seolah-olah telah dikaji dan dipersiapkan dengan teramat teliti.

Jelasnya, pengorbanan Saidina Ali r.a. untuk Rasulullah s.a.w. bukan hanya untuk diri baginda, bahkan beliau telah berkorban untuk dakwah seluruhnya

seperti kata Saidina Abu Bakar semasa beliau di dalam gua, “Jika aku terbunuh, aku hanyalah seorang lelaki. Tetapi jika engkau yang terbunuh, maka binasalah umat ini.” Saidina Ali r.a. telah berjaya dalam ujian ini kerana beliau ialah seorang sahabat yang hidup bersama-sama Rasulullah s.a.w. serta dididik oleh baginda. Mereka mencintai baginda sehingga sanggup mempertaruhkan diri. Mereka tidak kisah terkorban dipenggal leher mereka, asalkan baginda s.a.w. selamat.

Abdullah bin Abu Bakar r.a.

Beliau ialah seorang anak muda yang sedia menjalankan tugas dengan penuh berhati-hati dan cekal. Ia adalah pemilihan yang begitu teliti bagi tugas yang bakal dipikulnya iaitu:

- Perisik khas yang mendengar cakap-cakap penduduk Mekah di sepanjang hari untuk dikhabarkan kepada Baginda s.a.w. (al-Ghadbān 1987: 190).
- Tidur bersama-sama Rasulullah s.a.w. di gua pada malam harinya untuk menyampaikan khabar berita kepada baginda. Kemudian beliau kembali ke Mekah pada waktu sahur seolah-olah beliau tidur bersama-sama penduduk Mekah.

Kita boleh menyimpulkan keperibadian Abdullah bin Abu Bakar sebagai seorang pemuda yang mempunyai tahap keberanian yang tinggi, peka terhadap suasana sekeliling, tajam pendengaran, berfikir secara teliti serta amanah dalam penyampaian. Sifat-sifat sebegini amat penting demi memastikan maklumat yang disampaikan kepada pimpinan adalah tepat. Beliau seorang yang berdisiplin dan sistematik dalam menerima, menyampaikan dan mengawasi keadaan. Jika beliau bertindak khianat mengubahsuai sesuatu berita atau bersikap mengambil mudah terhadap sebarang risiko, nescaya kebarangkalian untuk Rasulullah s.a.w. akan berada lebih lama di dalam gua akan lebih tinggi.

Asmā’ dan Aisyah binti Abu Bakar r.a.

Asmā’ r.a. dan adiknya Aisyah r.a. mewakili unit penyediaan logistik dan bekalan buat Rasulullah s.a.w. dan Abu Bakar r.a. di dalam gua, di tengah-tengah kerancakan usaha musyrikin untuk mengesan kedua-duanya (al-Ghadbān 1987, 191). Aisyah r.a. sekalipun masih kecil, turut menolong kakaknya menyediakan makanan di rumah, sementara Asmā’ r.a. pula membawanya ke gua. Beliau memang berkemampuan melakukannya kerana kesabarannya, komitmen yang kuat, bersedia melakukan dan baik perancangannya.

Hal ini bukanlah suatu yang asing dalam perjuangan agama Allah. Semuanya perlu terlibat dalam batasan kemampuan dan ruang yang terluang. Oleh itu, kaum hawa bahkan kanak-kanak bukan sekadar tempelan yang dilupakan dalam dakwah. Bahkan mereka mampu melakukan sesuatu perkara dengan begitu teliti dan sensitif. Dalam banyak keadaan, tugas seperti ini tidak mampu dilakukan oleh kaum lelaki pada tahap dakwah yang kritikal dan berisiko (al-Solābiy 2004, 486).

Asmā' r.a contohnya telah memperlihatkan kepintaran dalam menyembunyikan rahsia dakwah daripada dihidu oleh musuh. Hal ini dapat dilihat ketika beliau menghadapi datuknya Abu Quhāfah yang buta datang menemuinya. Abu Quhāfah berkata, "Demi Allah, sungguh aku lihat dia (Abu Bakar r.a.) telah menyusahkan kamu dengan hartanya, sebagaimana dia telah menyusahkan kamu dengan dirinya." Maka Asma r.a. berkata kepadanya, "Sekali-kali tidak, wahai datukku! Beliau telah meninggalkan harta yang banyak bagi kita." Kemudian Asma r.a mengambil batu-batu dan meletakkannya di lubang angin, di mana ayahnya pernah meletakkan wang itu. Kemudian dia menutupnya dengan lembaran baju. Setelah itu Asmā' r.a. memegang tangannya (Abu Quhāfah) dan berkata, "Letakkan tanganmu di atas wang ini." Maka datuknya meletakkan tangan di atasnya dan berkata, "Tidak mengapa jika dia telah tinggalkan ini bagi kamu, maka (bererti) dia telah berbuat baik. Ini sudah cukup buat perbelanjaan kamu." Sebenarnya Abu Bakar r.a. tidak meninggalkan sesuatu pun buat ahli keluarganya, tetapi Asmā' r.a. ingin menenangkan hati datuknya (Ibn Hishām, 2: 102).

Amīr Bin Fuhayrah r.a.

Pengembala biasa dan bekas hamba Abu Bakar r.a.. Tugasnya tertumpu kepada dua perkara:

- Sangat berdedikasi dalam menjalankan amanahnya, iaitu membawa susu dan daging ke gua.
- Menghilangkan kesan tapak kaki ke gua dengan kambing-kambingnya agar tidak dapat dikesan oleh kaumnya lantas mampu membawa mereka menemui Rasulullah s.a.w. (al-Ghadbān 1987: 191).

Sekali pandang tugas Amīr bin Fuhayrah r.a. hampir sama dengan tugasan Asmā' r.a., iaitu membawa bekalan minuman (susu kambing). Namun dari sudut yang lain ia lebih berisiko memandangkan dia perlu menghilangkan kesan tapak kaki 'pasukan hijrah' agar tidak dapat dihidu oleh golongan musyrikin. Ini suatu elemen propaganda yang berkesan untuk mengelirukan golongan musyrikin.

Amīr bin Fuhayrah r.a. boleh disifatkan sebagai insan kerdil. Tidak ramai yang menumpukan perhatian kepadanya kerana masyarakat Arab biasanya tidak ambil peduli tentang hamba mereka. Seorang pengembala kambing dan bekas hamba yang tidak dijangka keterlibatannya dalam gerak kerja yang sebegini besar. Oleh itu, seorang pemimpin dan pengurus gerak kerja susun-atur modal insan yang cekap tidak sewajarnya mengenepikan fungsi setiap ahli, apa jua status dan kedudukannya. Ini kerana setiap manusia itu dilahirkan dengan bakat, potensi dan kebolehan yang tersendiri yang mungkin tidak dimiliki oleh orang lain. Terpulang kepada pemimpin untuk mengesan serta menggunakannya secara efektif.

Abdullah bin Urayqit

Anggota terakhir dalam ‘pasukan hijrah’ ialah seorang musyrik yang berpengalaman dan berkesepakaran dalam menjayakan misi penting ini (al-Ghadbān 1987: 193-194). Tugasnya ialah:

- Memilih dan memelihara dengan baik unta-unta yang bakal dijadikan kenderaan dalam perjalanan hijrah.
- Mengkaji dan memilih jalan yang sesuai untuk perjalanan hijrah dengan memilih jalan yang tidak diketahui oleh musuh Islam..
- Memandu sendiri perjalanan bersejarah ini dengan penuh bijaksana dan berhemat.

Mungkin ada yang mempersoalkan keterlibatan beliau dalam misi sebegini besar dalam keadaan beliau masih seorang musyrik. Ini menunjukkan beliau mempunyai beberapa keistimewaan tersendiri, antaranya:

- Sifat amanah yang dimiliki oleh beliau. Ini penting demi menjaga kerahsiaan perancangan dan strategi. Dia tergolong dalam kaum musyrikin Mekah ketika hijrah itu. Tidak akan ada seorang pun yang akan menyangka Rasulullah s.a.w. akan menggunakan salah seorang daripada mereka untuk menjadi penunjuk jalan.
- Berpegang dan menunaikan janji yang dipersetujui bersama dengan Rasulullah s.a.w.. Hal ini jarang dimiliki oleh kebanyakan orang musyrik.
- Sifat berani. Dia tidak bimbang jika rahsianya itu terbongkar, bahkan ia meneruskan kerjanya dan berani bertanggungjawab terhadap risikonya.
- Berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam mengenali jalan-jalan

di padang pasir. Mampu mengelirukan perhatian musyrikin daripada menurut jejak langkah mereka. Sekalipun terdapat ramai penunjuk jalan di kalangan musyrikin yang mampu mengenali jalan-jalan di padang pasir, ternyata Abdullah memiliki keistimewaan yang tersendiri.

Rasulullah s.a.w. Sebagai Model Pengurus Siyasah Modal Insan

Selaku pemimpin yang dipilih oleh Allah s.w.t. bagi mendaulatkan Islam, Rasulullah s.a.w. mempunyai cita-cita dan keazaman yang kuat untuk sampai ke Madinah, seterusnya membina sebuah negara. Baginda semenjak awal lagi sudah mempersiapkan masyarakat Madinah untuk menerima penghijrahannya ke sana. Baginda juga telah berunding dengan Abu Bakar r.a untuk membuat beberapa persiapan awal. Antara asas utama yang menjayakan tugas beliau sebagai Rasul dan pemimpin dalam peristiwa ini adalah seperti berikut.

- Karisma kepimpinan: Meskipun Rasulullah s.a.w. merupakan seorang pemimpin yang segala suruhannya dipatuhi oleh pengikutnya, namun baginda tetap berunding dengan para sahabatnya (Muhammad al-Buraey 1992, 219). Ini membuktikan bahawa baginda tidak bersifat diktator yang memimpin secara sehalus, penuh dengan sifat *ananiyah* (keakuan) yang melulu. Sebaliknya kepimpinan dengan hati dan ruh yang lahir daripada perasaan kepercayaan dan kasih sayang yang sejati. Rasulullah s.a.w. ialah seorang yang penyayang terhadap tentera dan pengikutnya. Baginda amat mengambil berat terhadap sahabat-sahabatnya (al-Solābiy 2004: 490). Merasai susah senang para pengikutnya bahkan sanggup berkorban untuk kebahagiaan mereka. Baginda tidak berhijrah melainkan apabila sebahagian besar sahabatnya telah berhijrah. Yang tinggal hanyalah mereka yang terhalang daripada berpindah serta mereka yang ada tugas khas dalam berhijrah (al-Būtiy 1978: 78). Inilah kunci kejayaan kepimpinan baginda. Di samping itu baginda menunjukkan sifat kendiri yang baik. Baginda bertegas untuk membayar sewa unta yang digunakan walaupun terpaksa berhutang buat sementara. Penggerak dakwah mesti bertanggungjawab dengan perbelanjaannya sendiri. Sifat meminta-minta dan bergantung pada orang lain boleh menjadi perangkap fitnah dalam gerak kerja dakwah.
- Kebijaksanaan Rasulullah s.a.w. dalam menetapkan matlamat serta merancang dan melaksanakan strategi yang diatur. Hal ini bolehlah dilihat dari sudut:

- i. Menentukan misi dan matlamat.
- ii. Mengenal pasti modal insan yang tersedia, bakat, kesepakaran serta potensinya dalam menjayakan misi. Mengenalpasti unsur fizikal yang ada, termasuk batasan masa, tempat dan keadaan serta peralatan yang akan digunakan
- iii. Mengenal pasti keperluan-keperluan fizikal dan menguruskannya secara teliti.
- iv. Membuat kajian terhadap suasana dan keadaan yang ada.
- v. Meramalkan halangan dan kesukaran yang mungkin timbul.
- vi. Merancang proses perlaksanaan tindakan secara berkesan.
- vii. Doa dan tawakkal

Secara amnya dalam pengurusan mana-mana misi dalam sesebuah organisasi ia melibatkan perkara-perkara di atas. Sekalipun baginda merupakan Rasulullah s.a.w. yang pasti dibantu oleh Tuhan-Nya, baginda tetap mempunyai komitmen yang tinggi dengan semangat kerja berpasukan yang kuat dan sistematik. Ini mendahului pakar-pakar pengurusan yang tersohor pada zaman ini. Misinya jelas, sumber manusianya dikenal pasti, dibangunkan dan digunakan secara selayaknya. Semuanya diatur dalam satu proses yang berkesinambungan melalui jalinan kerja berpasukan yang mantap dengan mengambil kira halangan dan kesukaran yang mungkin timbul. Semuanya dirancang secara berhemah semampu yang difikirkan oleh minda manusia. Manakala selebihnya diserahkan pada Maha Pencipta.

Dalam susun atur modal insan ini, beberapa keunikan kepimpinan Rasulullah s.a.w. terserlah (al-Solābiy 2004, 484), antaranya:

- a. Baginda berjaya mengenal pasti setiap modal insan yang tersedia.
- b. Baginda berjaya mengenal pasti bakat, potensi dan kesepakaran modal insan yang ada.
- c-. Baginda berjaya menggerakkan modal insan untuk menjalankan misi dengan penuh tanggungjawab.
- d. Baginda berjaya mengagihkan tugas kepada setiap yang terlibat secara tepat.
- e. Baginda berjaya mengembeleng tenaga daripada kepelbagaiannya latarbelakang dengan meraikan realiti kemajmukan masyarakat, antaranya: bangsawan dan hamba, tua dan muda, lelaki dan perempuan serta muslim dan kafir.
- f. Baginda berjaya membina satu pasukan kerja yang bergerak secara berangkaian, saling mempercayai dan saling bekerjasama menjayakan misi. Terutamanya antara Abdullah, Asmā' dan Amir bin Fuhayrah (Daniel Zainal Abidin 2006, 183).

Namun, semuanya itu disatukan di atas ciri-ciri kebolehpercayaan (*al-amin*), kebijaksanaan dan kesepakaran (*al-qawiyy*) serta kesanggupan untuk menjalankan setiap tugas. Inilah asas pembahagian tugas sebagaimana yang disebutkan dalam al-Quran (al-Qasas: 26):

إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَعْجَرَتِ الْقَوْىُ الْأَمِينُ

Bermaksud:

Kerana sesungguhnya orang yang paling baik yang kamu ambil untuk bekerja (pada kita) ialah orang yang kuat lagi dapat dipercayai.

Penutup

Sorotan terhadap peristiwa Hijrah yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya r.a jelas memperlihatkan ketelitian dari sudut perancangan dan perlaksanaan, khususnya dari sudut atur guna modal insan. Rasulullah s.a.w. telah mengusahakan sebab-sebab serta mekanisme yang diperlukan dalam mencapai misinya. Baginda melaksanakan prinsip-prinsip pengurusan yang terbaik. Hal ini perlu diketahui, diselidiki, difahami seterusnya diteladani oleh umat Islam dalam kehidupan meraka. Baginda telah mengendalikan satu operasi yang sangat kritikal dengan penuh berstrategi. Meletakkan setiap anggota ‘pasukan hijrah’ pada tempatnya. Sesuai dengan realiti keterbatasan modal insan yang tersedia dan tepat dengan kebolehan setiap anggota. Ini menjelaskan bahawa mengambil berat aspek usaha adalah tuntutan dalam hidup seorang beriman dengan baginda s.a.w. Apatah lagi dengan merancang modal insan yang ada supaya gerak kerjanya adalah penuh hikmah serta menepati dengan gelaran ‘*khayra umma*’.

Namun segala usaha, perancangan dan atur-guna modal yang dibuat bukanlah suatu jaminan kepada kejayaan. Yang terlebih penting ialah keyakinan dan kepasrahan mutlak kepada Allah s.w.t. Taufiq dalam usaha adalah anugerah Allah s.w.t. Perancangan dan perlaksanaannya sekadar suatu tuntutan sunnatullah yang perlu dilandaskan aqidah dan syariat. Sebagai perancang strategi yang bakal menjadi teladan sepanjang zaman aspek kepasrahan menjadi tonggak utama. Merasai kebersamaan dengan Allah s.w.t. perlu menjadi penjana motivasi pada tiap saat. Inilah sumber dan kekuatan sebenar yang memancarkan kebijaksanaan sesuatu perancangan. Hal ini tergambar secara jelas dalam rakaman saat tergenting dalam peristiwa ini dalam al-Quran (al-Tawbah: 40):

إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذَا أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِيَ اثْنَيْنِ
إِذْ هُمَا فِي الْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَاحِبِيهِ لَا تَحْزُنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا
فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُ بِجُنُودٍ لَمْ تَرَوْهَا وَجَعَلَ كَلِمَةَ
الَّذِينَ كَفَرُوا أَسْفَلًا وَكَلِمَةُ اللَّهِ هِيَ الْعُلْيَا وَاللَّهُ عَزِيزٌ

حِكْمَةٌ

Maksudnya:

Jikalau kamu tidak menolongnya (Muhammad) maka sesungguhnya Allah telah menolongnya (iaitu) ketika orang-orang kafir (musyrikin Mekah) mengeluarkannya (dari Mekah) sedang dia salah seorang daripada dua orang ketika keduanya berada dalam gua, pada waktu dia berkata kepada temannya: "Janganlah kamu berduka-cita, sesungguhnya Allah beserta kita." Maka Allah menurunkan keterangan-Nya kepadanya (Muhammad) dan membantunya dengan tentera yang kamu tidak melihatnya, dan Allah menjadikan kalimat orang-orang kafir itulah yang rendah dan kalimat Allah itulah yang tinggi. Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Rujukan

Al-Quran

- Abdul Rahman Abdullah, 2003, *Sejarah dan Tamaddun Islam*, Selangor: Pustaka Ilmi.
- Al-Būtiy, Saīd Ramadān, 1996, *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*, Damsyik: Dār al-Fikr.
- Al-Ghadbān, Munir Muhammad, 1987, *Al-Manhaj al-Harakiy li al-Sīrah al-Nabawiyah*, Jordan: Maktabah al-Manār.
- Al-Ghazāliy, Abdul Hamīd, 2000, *Hawla Asasiyyāt al-Mashrū al-Islamiy li Nahdat al-‘Ummah*, Kaherah: Dār al-Tawzī wa al-Nashr al-Islāmiyyah.
- al-Jurjāniy, Aliy Muhammad Sharīf, 1978, *al-Ta'rīfāt*, Beirut: Maktabah Lubnān.
- Al-Khudari Bik, Al-Shaikh Muhammad, t.th., *Nur al-Yaqīn fi Sīrah Sayyid al-Mursalīn*.
- Al-Marbawiy, t.th., *Qāmūs Idrīs al-Marbawiy*, t.tp.: Dār al-Fikr.
- Al-Qurtubiy, Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansār, 1965, *Al-Jāmic li Ahkām al-Qur’ān*, Beirut: Dar Ihyā’ al-Turath al-cArabiyy.
- Al-Solābiy, Ali Muhammad Muhammad, 2004, *Al-Sīrah al-Nabawiyah Ardun Waqā’i wa tahlīl ahdāth*, Al-Mansurah: Dār al-Yaqīn.
- Daniel Zainal Abidin, 2006, *Tujuh Formula individu cemerlang*, Kuala Lumpur: PTS Publication.
- H.Rus'an, 1982, Lintasan *Sejarah Islam Di Zaman Rasulullah*, Singapura: Pustaka Nasional.
- Hassan Ibrahim Hassan, 1986, Sejarah Islam, terj. Ismail Mohd Hassan, Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Ibn Hajar al-Asqalāniy, Ahad ibn Aliy, 1997, *Fath al-Bāriy: Sharh Sahīh Muslim* Beirut: Dār al-Kotob al-Ilmiyah.
- Ibn Hisham, Abī Hamīd ibn Abd al-Malik, t.th., *Al-Sīrah al-Nabawiyah*, t.tp.: Dār al-Fikr.
- Ibrāhim al-Ibyāriy, 1982, *Muhazzab al-Sīrah al-Nabawiyah*, Kaherah: Dār a-M:aārif.
- Ibrāhim Mustafā, Ahmad Hasan al-Ziyāt, Hāmid Abd al-Qādir & Muhammad al-Najjār, 1990, *al-Mucjām al-wasīt*, jil.2, İstanbūl: Dār al-Da'wah.
- Mahyuddin Hj. Yahya, 1998, *Tamadun Islam*, Shah Alam: Fajar Bakti.
- Muhammad al-Buraey, 1992, *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*, Terj. Abdullah Md. Norr dll, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Said Hawa, 1995, *Al-Asās fi al-Sunnah wa Fiqhuhā (al-Sīrah al-Nabawiyah)*, Kaherah: Dār al-Salām.

WAN MOHD YUSOF WAN CHIK
Fakulti Pengajian Kotemporari Islam
Universiti Darul Iman Malaysia
Kampus KUSZA
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA
Emel: mohdyusof@udm.edu.my

HASANULDDIN MOHD
Fakulti Pengajian Kotemporari Islam
Universiti Darul Iman Malaysia
Kampus KUSZA
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA
Emel: hasanandin@udm.edu.my

BASRI IBRAHIM, Ph.D
Fakulti Pengajian Kotemporari Islam
Universiti Darul Iman Malaysia
Kampus KUSZA
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA
Emel: basri@udm.edu.my

ROHAIZAN BARU, Ph.D
Fakulti Pengajian Kotemporari Islam
Universiti Darul Iman Malaysia
Kampus KUSZA
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA
Emel: rohaizan@udm.edu.my